

Headline	LKIM, FAMA, LPP sokong usahawan tempatan		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	22 Dec 2019	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	37,981
Page No	12	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	355 cm <sup>2</sup>
Journalist	NUR AIN OTSMAN	AdValue	RM 1,325
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,975



# LKIM, FAMA, LPP sokong usahawan tempatan



**SOKONG USAHAWAN TEMPATAN...** Muhammad Faiz Fadzil melihat keadaan ikan yang dijual oleh peniaga yang mengambil bahagian dalam Program BPR di Pasar raya Besar Giant, Tabuan Jaya, semalam.

.....  
NUR AIN OTSMAN

**KUCHING:** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) berikrar terus membantu isi rumah yang berada dalam kategori B40 dan M40.

Penganjuran Program Bazar Peduli Rakyat (BPR) di seluruh negara adalah bukti keprihatinan tiga agensi berkenaan untuk meningkatkan pendapatan petani, nelayan dan usahawan di negara ini.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil, yakin dengan pelaksanaan program ini juga dapat meningkat-

kan dan memperkukuhkan bekalan berpacuan kepada keperluan pasaran yang mana bekalan tersebut boleh dibekalkan langsung kepada pengguna dan mengurangkan jaringan pembekalan.

"Program ini telah bermula sejak Februari lalu di seluruh negara dengan tujuan memperkukuhkan dan memperluaskan jaringan pemasaran antara agensi bagi memastikan bekalan hasil pertanian boleh dipasarkan ke cawangan sedia ada secara sistematik dan efektif," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program BPR di Pasar Raya Besar Giant, Tabuan Jaya, semalam.

Program ini diadakan selama satu hari iaitu semalam bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Tambahnya lagi, program ini akan diteruskan pada tahun hadapan untuk membantu usahawan yang sukar memasarkan produk mereka akibat akses yang agak kecil.

"Program BPR tergolong dalam kategori Projek 'Quick Win' dalam menangi peningkatan kos sara hidup rakyat.

"Antara projek lain dalam kategori ini adalah Market2u, gunasama pusat pengumpulan agensi, pembekalan ikan segar ke cawangan pemasaran, 'self-market' dan pemasaran buah-buahan," jelasnya lagi.

Dalam menyasarkan golongan isi rumah yang berada dalam kategori B40 dan M40, mereka akan menerima penjimatan lima peratus hingga 30 peratus di setiap pembelian bagi produk agromakanan seperti barangan segar, runcit, proses dan lain-lain.

"Semoga dengan program seperti ini dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh pengguna di luar sana.

"Ini adalah bukti bahawa kerajaan sentiasa mengambil peduli akan masalah dan keluhan rakyat yang mana ia tetap menjadi keutamaan untuk diselesaikan," ujarnya lagi.